

15 DEC 1999

Agong-Takziah

PERUTUSAN TAKZIAH AGONG KERANA KEMATIAN TUDJMAN

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah hari ini menyampaikan perutusan takziah kepada isteri mending Presiden Croatia, keluarganya dan rakyat Croatia kerana kematian Presiden Franjo Tudjman pada Jumaat lepas.

Dalam perutusan takziah kepada pemangku Presiden Croatia Vlatko Pavletic, Sultan Salahuddin dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah melahirkan rasa sedih kerana kematian Presiden Tudjman.

"Beta sedar bahawa Croatia telah kehilangan seorang patriot dan pemimpin agung," titah Sultan Salahuddin.

Presiden Tudjman yang menghidap barah usus, meninggal dunia pada 10 Dis.

Duta Malaysia ke Hungary yang turut ditauliahkan ke Croatia, Mohamad Sani, hadir pada upacara pengkebumian Tudjman pada Isnin lepas.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam perutusan kepada rakan sejawatannya Zlatko Matesa berkata beliau menerima berita itu dengan penuh rasa sedih dan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mending Presiden.

"Rakyat Croatia telah kehilangan seorang negarawan dan pemimpin berwawasan yang telah membawa negaranya mencapai kemerdekaan dan keamanan," kata Dr Mahathir dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar.

Dr Mahathir, yang menghargai komitmen Tudjman untuk memperkukuhkan hubungan dua hala dengan Malaysia, mengenang kembali lawatan beliau ke Zagreb pada 1994 dan 1996 apabila beliau bertemu dengan Presiden itu.

"Saya sedar bahawa hasrat Presiden pada masa itu ialah untuk melawat Malaysia. Saya sedih kerana hasrat beliau untuk melawat Malaysia tidak kesampaian," katanya.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar turut menghantar perutusan serupa kepada Menteri Luar Croatia Dr Mate Granic.

Beliau berkata Presiden Tudjman akan sentiasa dikenang sebagai Bapa Kemerdekaan Croatia.

-- BERNAMA

NZ RHM MAI